

TENIS

1. PERATURAN TEKNIKAL

1.1 KELAYAKAN

Rujuk Perkara 4 Peraturan Am MASUM

1.2 PENDAFTARAN/ PEMBENTUKAN PASUKAN

1.2.1 Kategori

BIL	KATEGORI	BIL. PESERTA
1	Perseorangan Lelaki	2
2	Perseorangan Wanita	2
3	Bergu Lelaki	4 (2 Bergu)
4	Bergu Wanita	4 (2 Bergu)
5	Bergu Campuran	4 (2 Bergu)

1.2.2 Setiap pemain dibenarkan menyertai 1 Kategori sahaja.

1.2.3 Borang pendaftaran pemain hendaklah diserahkan kepada jawatankuasa pengelola sebelum/pada tarikh tutup penyertaan.

1.3 REFERI KEHORMAT/ KETUA PENGADIL/ PENGADIL

Rujuk Perkara 7 Peraturan Am MASUM

1.4 PAKAIAN DAN PERALATAN

Sebaik-baiknya berwarna putih dan bersesuaian dengan permainan. Sila rujuk Peraturan Am MASUM .

1.5 KELEWATAN DAN KETIDAKHADIRAN

Hanya 15 minit sahaja akan diberi kepada seseorang pemain yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma dengan kiraan 9/0.

1.6 MENARIK DIRI DAN MENYERAH KALAH

Rujuk Perkara 14 Peraturan Am MASUM

1.7 BANTAHAN

Mengikut Peraturan Am MASUM (Perkara 15).

1.8 PENANGGUHAN PERLAWANAN / DIBERHENTIKAN

Sekiranya pengadil berpendapat bahawa gelanggang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan perlawanan itu tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan diberhentikan akibat hal-hal diluar kawalan kedua-dua pemain, maka perlawanan yang ditunda atau diberhentikan itu hendaklah dilangsungkan pada masa yang akan ditentukan oleh jawatankuasa pengelola.

1.9 PERATURAN LAIN YANG TIDAK DINYATAKAN

Sila rujuk Peraturan Am (23) MASUM

2. PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-undang dan Peraturan Am MASUM yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan ini

2.1 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Kecuali apa yang tersebut di dalam peraturan yang menguasai pertandingan ini, maka Undang-Undang Persekutuan Tennis Antarabangsa hendaklah diikuti.

2.2 SISTEM PERTANDINGAN

2.2.1 Dijalankan secara kalah mati (knock out) mengikut Peraturan Am (10) MASUM

2.2.2 Pada peringkat awal sehingga suku akhir, permainan akan dijalankan dengan kiraan "First To Reach 9, 8 - 8 Tie Break". Manakala di peringkat separuh akhir dan akhir akan dijalankan dengan kiraan " 2 + 1 Super Tie Break".

2.2.3 Bagi kategori Bergu dan Bergu Campuran, permainan akan dijalankan secara system " Normal Deuce".

2.2.4 Pada peringkat awal sehingga suku akhir, pengadil yang disediakan adalah secara "Rooming Empire". Pada peringkat separuh akhir dan akhir "Chair Empire" akan disediakan. Persekutuan Tennis Antarabangsa hendaklah diikuti.

2.3 HADIAH

RujukPerkara 21 Peraturan Am MASUM

PERATURAN PERMAINAN SUKAN MASUM

Bersatu Kearah Kegemilangan Sukan Universiti



3. RINGKASAN PENYERTAAN

PERMAINAN	LELAKI	WANITA	PEGAWAI
Tenis	8	8	3